



BIA 30/4/2011 MS 44

Oleh Hanneeyzah Bariah Baharin
hanneeyzah@bharian.com.my

Terengganu dikagumi negara luar

MELIHAT data ramainya pelajar cemerlang di Terengganu dewasa ini, terseleh rasa bangga kerana negeri penyu ini yang dulunya lebih sinonim dengan kemunduran dan kemiskinan, kini sudah jauh berubah.

Dianggap memiliki kepakaran hebat kerana memperkenalkan sistem pembelajaran kelas maya

Sesungguhnya Terengganu mencetuskan fenomena baru khususnya dalam bidang pendidikan, berikutan pencapaian cemerlang pelajarannya hinggalah negeri ini memegang rekod kecemerlangan dalam peperiksaan awam sejak 10 tahun berturut-turut.

SK Kompleks Seberang Takir, Kuala Terengganu dan SK Teluk Kalong, Kemaman dipilih untuk melaksanakan modul pembelajaran kelas maya, bagaimana pun, SK Paya Bunga yang dikatakan hampir ditutup kerana masalah kekurangan pelajar adalah sekolah pertama di negeri ini memperkenalkan teknik pembelajaran interaktif itu.

Biarpun ramai antara pelajar cemerlang yang dilahirkan di negeri ini dihambat kemiskinan keluarga yang sebelum ini dilihat seolah-olah penghalang untuk mereka mengesap kejayaan dalam pelajaran, persepsi itu tidak relevan lagi kini kerana pelbagai usaha digerakkan kerajaan negeri dengan kerjasama warga pendidik dan Jabatan Pelajaran Terengganu untuk menjana kemajuan pendidikan anak negeri ini.

Apa yang menjadi kebanggaan dan bukti keberkesanan usaha kerajaan negeri melaksanakan pembelajaran kelas maya itu telah pun diperakui banyak pihak, terutama warga SK Paya Bunga sendiri, apabila perubahan ketara terlihat sejak pelaksanaan kelas maya khususnya dalam sudut kedatangan murid ke sekolah dan minat belajar, sekali gus meningkatkan peratusan kelulusan mereka.

FAKTA NOMBOR

90,000
e-book

Telah diagihkan kepada murid Tahun Empat, Lima dan Enam

RM30,000
pelaburan

Bagi mewujudkan setiap kelas itu dikagumi negara luar

RM5,000
insentif

Seorang daripada kerajaan negeri



AHMAD Said melihat murid Sekolah Kebangsaan Paya Bunga Sekolah Elit Bandaraya Kuala Terengganu, (SKPB), Hafizuddin Rasul, 12 antara pelajar Tahun Enam yang belajar menggunakan sistem Virtual Class dengan menggunakan e-book.

ACMADU ALLIAC - I DEDITA LIADIAN

menjadi perintis memperkenalkan penggunaan buku elektronik (e-Book), yang kemudian diberi kesinambungan dengan pengenalan kelas maya - yang pertama umpamanya di negara ini - ramai cemburu dengan kemampuan Terengganu sehingga berada di kedudukan kini.

Ketika ini, lebih 90,000 e-Book diagihkan kepada murid Tahun Empat, Lima dan Enam di seluruh negeri, bagi menggantikan penggunaan buku teks dengan sasaran menyediakan pembelajaran interaktif kepada murid, sekali gus meningkatkan minat dan tumpuan belajar serta kemahiran mengendalikan teknologi komputer.

Keupayaan Terengganu merealisasikan pembelajaran kelas maya membabitkan pelaburan RM30,000 bagi mewujudkan setiap kelas itu dikagumi negara luar yang menyifatkan negeri ini memiliki kepakaran yang hebat, hingga mampu melaksanakan projek berkenaan dalam tempoh hanya beberapa bulan perancangannya, walaupun negara maju seperti Korea dan Singapura yang lebih dulu mengaplikasikan pembelajaran kelas maya mengambil masa lebih lama dari itu.

Untuk permulaan, tiga sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Paya Bunga, Kuala Terengganu;

san lulus dalam periksaan.

Siapa sangka, SK Paya Bunga, sebuah sekolah kecil dalam bandar yang disebut-sebut akan ditutup kerana mengalami masalah kekurangan murid berikutan keengganan ibu bapa menghantar anak ke sekolah itu yang dilihat tidak maju lantaran semakin banyak sekolah baru yang lebih moden dan lengkap dibangunkan, kini menjadi rebutan untuk ibu bapa menempatkan anak mereka di situ.

Dalam satu wawancara dengan Guru Besar sekolah berkenaan baru-baru ini, Rohaya Ibrahim, beliau sendiri menyatakan rasa kagum kerana cetusan idea Ahmad memperkenalkan pembelajaran kelas maya dengan memilih SK Paya Bunga sebagai perintis, berjaya menghidupkan kembali sekolah berkenaan yang sebelum ini sudah melahirkkan ramai tokoh pemimpin.

"Masalah yang dihadapi oleh SK Paya Bunga ialah isu kehadiran murid. Jika dulu, murid sangat susah untuk hadir kelas, kini senario itu berubah sama sekali. Peratus kehadiran yang sebelum ini sekitar 68 peratus, kini melonjak kepada 100 peratus. Lebih membanggakan, sebelum ini guru tidak bersemangat untuk membuat kelas malam kerana tiada murid yang akan hadir,

tetapi sekarang ada murid yang sehingga tidak mahu pulang ke rumah - dengan kehadiran yang dicatatkan pula 100 peratus.

"SK Paya Bunga juga mencatatkan peratus Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) yang rendah kerana isu kehadiran, apabila murid tidak datang ke sekolah. Disebabkan ini, ibu bapa menganggap sekolah ini berprestasi rendah dan enggan menghantar anak ke sini. Tetapi, sejak pelaksanaan kelas maya, sekolah ini mencatat sejarah sulung apabila sudah ada murid yang mendapat 5A hanya dalam tempoh dua bulan pelaksanaan kelas maya.

"Dalam tempoh singkat pelaksanaan kelas maya di sekolah ini, kita sudah dapat melihat peningkatan ketara dalam pencapaian murid yang kita nilai menerusi peperiksaan dalaman yang diadakan. Malah, guru juga mengakui murid lebih berminat belajar kerana corak pembelajaran yang interaktif serta menyeronokkan menggunakan e-Book dan smart board," katanya.

Melihat keberkesanan program kelas maya yang menampakkan hasil jauh lebih awal daripada dijangka, mendorong kerajaan negeri menetapkan pelaburan besar melalui perancangan melengkap-



KANAK-KANAK dari Sekolah Rendah Kebangsaan Gong Badak asyik melayari komputer riba e-Book yang ditajakan oleh oleh kerajaan Terengganu kepada semua murid Tahun Lima yang dipamerkan di gerai Unit Komunikasi Negeri Terengganu.

kan semua sekolah di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dengan kemudahan kelas maya, dalam usaha melahirkan lebih ramai pelajar elit.

Namun, bagi kerajaan negeri, kejayaan anak Terengganu dalam bidang pendidikan tidak cukup sekadar berpaksikan pelbagai usaha memperkasakan pendidikan, tetapi juga habuan kepada mereka yang berjaya, bukan saja bagi menghargai usaha mereka mengecap kejayaan, tetapi lebih penting lagi sebagai dorongan dan motivasi kepada pelajar lain untuk turut sama berjaya.

Dengan itu, kerajaan negeri di bawah pentadbiran Ahmad yang mengamalkan pendekatan 'Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan' sejak tiga tahun memimpin negeri ini ke mercu jaya, bermurah hati mengagihkan wang tunai RM500 kepada lebih pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) sebagai penghargaan.

Selain itu, Terengganu juga muncul negeri terbaik 10 tahun berturut-turut dalam UPSR, tiga kali berturut-turut menjuarai

pencapaian dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan negeri paling cemerlang di peringkat nasional dalam SPM dan STPM.

Bukan hanya pencapaian di peringkat sekolah, anak Terengganu yang belajar di pusat pengajian tinggi juga mencatat prestasi yang amat baik khususnya dalam Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) pada tahun akhir pengajian mereka, sehingga kerajaan negeri terpaksa menetapkan PNGK 3.75 ke atas untuk melayakkan pelajar itu diiktiraf pelajar cemerlang sekali gus diberi pelepasan daripada bayaran balik pinjaman serta menerima insentif khas RM5,000 seorang daripada kerajaan negeri.

PNGK 3.75 ke atas itu dianggap tinggi walaupun ada sesetengah universiti mengiktiraf pelajar yang mendapat PNGK 3.4 ke atas untuk ijazah kelas pertama, manakala sebahagian lagi menetapkan PNGK 3.5 atau 3.6. Namun, kerajaan negeri yang sebelum ini menetapkan PNGK 3.5 untuk mengiktiraf pelajar cemerlang, terpaksa meningkatkan penanda aras itu berikutan terlalu ramai penuntut institusi pengajian tinggi dari negeri ini yang memperoleh 3.5 ke atas.





BIA 30/4/2011 MS 45.



Tinggal 2.8 peratus miskin tegar di Terengganu

Capai sasaran miskin sifar dalam tempoh enam tahun

Oleh Azman Mahmood
azmanm@bharian.com.my

KERAJAAN negeri Terengganu semakin hampir mencapai sasaran untuk merekodkan sifar miskin tegar apabila seramai 10,677 keluarga miskin termasuk miskin tegar yang tersenarai dalam pangkalan data e-Kasih, Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (JPM) dikeluarkan daripada program pembasmian kemiskinan hingga bulan lalu.

Jumlah itu membabitkan 100 orang miskin tegar dan 4,400 orang kategori miskin manakala selebihnya adalah golongan mudah miskin daripada keseluruhan kira-kira 20,000 orang keluarga miskin yang disenaraikan di negeri itu tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Masyarakat, dan Wanita negeri, Yahya Khatib Mohamad, berkata sejak tahun 2004 sehingga akhir tahun lalu,

Terengganu yang berada pada kedudukan ketiga negeri termiskin di seluruh negara, kini berada pada kedudukan kelima selepas Sabah, Sarawak, Kelantan dan Kedah.

Katanya, kepantasan kerajaan negeri mencapai sasaran miskin sifar hanya dalam tempoh enam tahun dicapai menerusi pelbagai program yang disusun bagi membolehkan golongan berkenaan berdikari menambah pendapatan.

"Kita bangga apabila kerajaan negeri berjaya melaksanakan pelbagai program menghapuskan kemiskinan dan ketika ini hanya 2.8 peratus yang tergolong dalam kalangan miskin tegar.

"Pengurangan kadar kemiskinan itu berpunca daripada pelbagai program yang dilaksanakan kerajaan negeri termasuk bantuan perniagaan menerusi Tabung Darul Iman dan Yayasan Pembangunan Keluarga (YPK) di samping bantuan am lain yang disediakan Jaba-

tan Kebajikan Masyarakat (JKM)," katanya.

Yahya berkata, tahun ini juga sebanyak tujuh unit rumah Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) yang bernilai RM33,000 akan dibina di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dan ditingkatkan kepada 15 unit setiap DUN menjelang penghujung tahun ini.

Katanya, selain membina rumah PPRT yang baru, bantuan memperbaiki rumah juga disediakan termasuk menukar bumbung yang rosak atau atap bocor dengan kos minimum RM11,000 bagi setiap rumah.

"Bantuan ini (atap) adalah di bawah program bantuan Atap Biru menerusi peruntukan yang berjumlah RM500,000 disediakan kerajaan negeri kepada setiap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Barisan Nasional (BN) atau Pegawai Penyelaras DUN bagi kawasan dikuasai pembangkang untuk dia-

gihkan kepada mereka yang layak," katanya.

Beliau berkata, bagi melahirkan lebih ramai masyarakat berdikari khususnya kepada golongan yang mudah miskin, pelbagai program disediakan seperti Kursus Kemahiran Ibu Tunggal, Program Komuniti, Program Warga Emas dan Program Pemimpin Masyarakat.

Katanya, semua program itu bertujuan meningkatkan kualiti hidup setiap individu dan keluarga supaya tahap ekonomi mereka menjadi lebih baik daripada semasa ke semasa.

"Kerajaan negeri juga akan mewujudkan sebuah bengkel membuat kaki palsu dan kerusi roda di pusat latihan orang kelainan upaya (OKU) di Taman Rahmat Pulau Kerangga, Marang tidak lama lagi bagi memberi peluang kepada golongan itu berdikari dan memperoleh kemahiran hidup bagi menambah pendapatan," katanya.

